



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

355 PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2021

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada **335** penerima pada **1 Februari 2021** sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021.

Pada tahun ini, seramai **enam (6)** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pangkat Pertama** iaitu **Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W.)**, **24** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pangkat Kedua** iaitu **Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.)**, **81** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pangkat Ketiga** iaitu **Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)** yang membawa gelaran **Datuk**. Seterusnya, **49** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pangkat Keempat** iaitu **Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.)**, **76** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pangkat Kelima** iaitu **Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.)**, **31** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pangkat Keenam** iaitu **Ahli Mahkota Wilayah**

(A.M.W.) dan 68 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.).

Mendahului senarai penerima Darjah Kebesaran **Pangkat Pertama** iaitu **Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W.)** yang membawa gelaran **Datuk Seri Utama**, ialah **Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang**. Beliau diikuti oleh **Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah; YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Ragad Kurdi Taib, isteri Yang di-Pertua Negeri Sarawak; dan Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka**. Turut dianugerahi **Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah** ialah **YB Senator Dato' Sri Tengku Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan; dan YAB Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang**.

Bagi Darjah Kebesaran **Pangkat Kedua** iaitu **Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**, antara penerima-penerimanya ialah **YB Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli; dan YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)**. Antara penjawat awam yang dikurniai Darjah Kebesaran ini pula ialah **YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan; YBhg. Dato' Suhaime Bin Mahbar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Awam; YBhg. Dato' Mohd Sallehuddin Bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan**

Perdana Menteri; dan YBhg. Dato' Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) ini juga dikurniakan kepada mereka yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan Bandar Raya Kuala Lumpur iaitu **YBhg. Datuk Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur; YBhg. Dato' Nor Hisham Bin A Dahlan, mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur; dan YBhg. Datuk Dr. Noordin Bin Ab Razak, mantan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.** Turut dianugerahi Darjah Kebesaran ini ialah **YBhg. Prof. Datuk Dr. Awang Bin Sariyan, pakar bahasa** yang juga Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tahun 2021 juga menyaksikan **Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga** iaitu **Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)** yang membawa gelaran Datuk dikurniakan kepada **YB Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, Menteri Kanan Pendidikan; dan YB Dr. Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.** Penerima-penerima daripada kalangan pegawai awam dan badan berkanun pula antaranya terdiri daripada **Encik Johan Bin Mahmood @ Johan Mahmood Merican, Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan; Tuan Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; Sahibus Samahah Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan; dan YBrs. Prof. Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyanggah Kursi Institusi Raja-Raja Melayu Universiti Teknologi MARA.**

Darjah Kebesaran **Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)** ini juga dikurniakan bagi mengiktiraf sumbangan ahli-ahli sukan negara, antaranya **Encik Abd Rashid Bin Mohd Sidek @ Sulimin** dan **Encik Cheah Soon Kit**, tokoh-tokoh badminton negara; serta **Encik Muhamad Muqharabbin bin Mokhtarrudin**, **Presiden Kelab Eksplorasi 7 Benua Malaysia** yang juga ahli **Pasukan Malaysia Pendakian Everest**. Sementara itu, penggiat-penggiat seni dan budaya tanah air yang diberi penghargaan menerusi pengurniaan Darjah Kebesaran ini termasuklah **YBrs. Prof. Dr. Siti Zainon binti Ismail**, **Sasterawan Negara Malaysia** dan **Puan Habsah binti Hassan**, penulis lirik lagu Melayu dan penulis skrip terkemuka.

Selain itu, seramai **69** individu dari **kementerian, agensi dan organisasi** yang memainkan **peranan penting** dalam memerangi **pandemik COVID-19** telah dikurniai **pelbagai** pangkat **Darjah Kebesaran**. Mereka termasuklah **YB Dato' Sri Dr. Santhara Kumar A/I Ramanaidu**, **Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan** yang juga anggota Pusat Pengurusan Krisis Jawatankuasa Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan yang dianugerahi Darjah Kebesaran **Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.)**. Selain beliau, **YBrs. Dr. Hishamshah bin Mohd Ibrahim**, **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)**, **YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong**, **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)**, serta **YBrs. Dr. Param Jeeth Singh A/I Pakar Singh**, **Pengarah Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan** dianugerahi Darjah Kebesaran **Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)**.

Termasuk dalam senarai **69** individu tersebut juga ialah **Brig. Jen. Ab Aziz bin Mohd Sharif**, **Ketua Pengarah Tadbir dan Logistik, Kem Sungai Besi**

yang dianugerahi Darjah Kebesaran **Panglima Mahkota Wilayah P.M.W.** Sementara itu, **Puan Azizah binti Mohamed Said, Pengarah Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Majlis Keselamatan Negara, Encik Amaluddin bin Suib, Pengarah Bahagian Logistik Agensi Pengurusan Bencana Negara; dan SAC Izan Bin Bakri, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Polis Diraja Malaysia** dikurniai Darjah Kebesaran, iaitu **Johan Mahkota Wilayah (J.M.W).**

Tarikh penyempurnaan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2021 sedang ditentukan mengambil kira situasi semasa penularan pandemik COVID19 dan akan dimaklumkan kepada para penerima.

Walaupun Istiadat belum diadakan, selaras dengan peruntukan di bawah Statut Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah, Ahli-Ahli Darjah Kebesaran Pangkat Pertama, **S.U.M.W.**, boleh pada setiap masa memiliki, menggunakan dan menikmati gelaran dan nama "Datuk Seri Utama" sebelum nama mereka. Wanita, yang suami mereka telah dikurniai Pangkat Darjah Kebesaran ini boleh pada setiap masa memiliki, menggunakan dan menikmati gelaran dan nama "Datin Seri Utama" sebelum nama mereka.

Sementara itu, bagi Ahli-Ahli Darjah Kebesaran Pangkat Kedua, **S.M.W.**, mereka boleh pada setiap masa memiliki, menggunakan dan menikmati gelaran dan nama "Datuk Seri" sebelum nama mereka. Wanita, yang suami mereka telah dikurniai Pangkat Darjah Kebesaran ini boleh pada setiap masa memiliki,

menggunakan dan menikmati gelaran dan nama "Datin Seri" sebelum nama mereka.

Begitu juga, bagi Ahli-Ahli Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga, **P.M.W.**, mereka boleh pada setiap masa memiliki, menggunakan dan menikmati gelaran dan nama "Datuk" sebelum nama mereka. Wanita, yang suami mereka telah dikurniai Pangkat Darjah Kebesaran ini boleh pada setiap masa memiliki, menggunakan dan menikmati gelaran dan nama "Datin" sebelum nama mereka.

Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan tahniah dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala jasa dan bakti yang disumbangkan oleh semua penerima **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2021**.

Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan
1 Februari 2021